



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 14 JANUARI 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Sandwic ham dan cheese disahkan tiada sijil halal

JAKIM dapati syarikat hasilkan produk bukan pemegang SPHM

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengesahkan produk makanan 'ham and cheese sandwich' yang dijual di sebuah kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM), tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

JAKIM dalam satu kenyataan semalam, memaklumkan semakan pihaknya juga mendapat dan syarikat yang menghasilkan produk terbabit bukan pemegang SPHM.

"Bahagian Pengurusan Halal JAKIM menerima banyak pertanyaan di media sosial berkenaan produk 'Ham and Cheese Sandwich' yang diragui status halal.

"JAKIM sudah melaksanakan pemeriksaan di lapangan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) pada Jumaat lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapat produk berkenaan tidak mempu-



Universiti Malaya tutup serta-merta dua premis kedai serbaneka dalam kampus susulan dakwaan penemuan produk pek sandwich diragui status halal.
(Foto media sosial)

nyai SPHM dan syarikat yang menghasilkan produk terbabit bukan pemegang SPHM," katanya.

Berikut itu, katanya tindakan pihak syarikat mencetak logo halal Malaysia pada label produk berkenaan adalah suatu kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] iaitu Perintah Perihal Dagangan (Peraturan dan Penandaan Halal)

2011 dan tindakan undang-undang sudah diambil oleh KPDN.

Sentiasa semak status halal

Dalam pada itu, JAKIM mensiasatkan pengguna supaya sentiasa menyemak status halal sesuatu produk melalui Portal Halal Malaysia atau aplikasi Verify Halal.

Terdahulu, UM menutup serta-merta dua premis kedai ser-

baneka dalam kampusnya susulan dakwaan penemuan produk pek sandwic diragui status halal.

Dalam kenyataan media, UM menyatakan arahan penutupan itu dikeluarkan bagi memberi ruang supaya siasatan dilaksanakan tanpa sebarang gangguan.

Berita berhubung perkara ini turut tular di laman sosial TikTok.

Pelekat logo halal milik syarikat tak beroperasi

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) mendaati logo halal yang dilekatkan pada produk roti sandwic yang diragui statusnya adalah milik syarikat lain yang tidak lagi beroperasi dan sudah menjual perniagaannya kepada syarikat terbabit.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam, berkata hasil siasatan awal itu didapati selepas pihaknya menyelidiki kilang pembuat roti sandwic di Sunway Damansara yang dikaitkan dengan isu menyalah guna logo halal, Jumaat lalu.

Beliau berkata, serbuan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dijalankan susulan aduan diterima pihak JAKIM dan tular melalui aplikasi TikTok berkaitan perakuan logo halal yang meragukan pada produk roti sandwic yang dijual di beberapa premis pasar raya terkemuka sekitar Selangor dan ibu kota.

Katanya, berdasarkan maklumat awal, premis berkenaan

ialah kilang yang membuat dan membekalkan produk roti sandwic serta menggunakan penandaan logo halal JAKIM yang disyaki tamat tempoh.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, premis terbabit tidak memiliki kelulusan halal daripada pihak JAKIM dan logo halal yang dilekatkan pada produk roti sandwic itu ialah logo halal yang diperakukan kepada sebuah syarikat lain yang tidak lagi beroperasi dan sudah menjual perniagaannya kepada syarikat yang diserbu.

"Sijil pengesahan halal terbabit juga disahkan telah tamat tempoh pada 15 Oktober 2023.

"Hasil serbuan, KPDN menyita pelbagai jenis roti sandwic, sebuah komputer, mesin pencetak dan beberapa dokumen perniagaan yang berkaitan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Azman berkata, kertas siasatan dibuka dan kes disiasat kerana melanggar Perenggan 4(1) Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) dan menjadi kesalahan di bawah Perenggan 8(a), Perintah

Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Kesalahan seumpama ini amat serius serta boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan pengguna terutama yang beragama Islam.

"Selain daripada tindakan di bawah pensijilan halal, KPDN juga akan menghantar sampel sandwic tersebut ke Jabatan Kimia untuk mendapatkan pengesahan tentang kandungan sebenar yang digunakan dalam penghasilan sandwic terbabit," katanya.

Berhubung penutupan premis di sebuah universiti awam, Azman berkata, ia adalah tindakan yang diambil sendiri pihak berkenaan dan tidak membabitkan arahan daripada KPDN.

Justeru katanya, pengguna disarankan untuk tidak mudah terpedaya serta lebih berhati-hati memilih produk yang mempunyai sijil halal yang sah.

"Pastikan sijil halal itu yang diiktiraf oleh pihak berkuasa berwibawa. Maklumat dan aduan berkaitan halal boleh disemak di Portal Halal Malaysia melalui la-

man sesawang www.halal.gov.my.

Gantung semua urusan

Sementara itu, KK Mart dalam kenyataan semalam, memaklumkan pihaknya menggantung semua urusan perniagaan dengan pembekal sandwic terbabit.

Rangkaian kedai serbaneka itu memaklumkan bahawa bekalan produk daripada syarikat pembekal terbabit untuk semua cawangannya juga dihentikan.

"Untuk pengetahuan semua, hanya 16 KK Concept Store sahaja yang mempunyai kemasukan produk ini (sandwic ham).

"Oleh itu, KK Mart membekukan urusan perniagaan bersama pembekal terbabit serta-merta, selain menghentikan segala pemprosesan produk ini daripada kemasukan ke mana-mana outlet dalam tempoh siasatan," katainya.

KK Mart memaklumkan pihaknya turut membuat laporan polis Sabtu lalu, selain mengarahkan peguam mengeluarkan surat tunutan kepada pembekal terbabit mengenai isu itu.

'KK Mart gantung syarikat pembekal roti sandwic'

PETALING JAYA: KK Super Mart mengambil tindakan menggantung semua urusan perniagaan dengan pembekal produk 'sandwich ham & cheese', Shake and Bake Cafe Sdn. Bhd.

KK Super Mart memaklumkan, rangkaian kedai serbaneka itu turut menghentikan kemasukan produk berkaitan syarikat itu ke semua cawangan miliknya.

Pihaknya turut mengesahkan hanya 16 KK Concept Store yang mempunyai kemasukan produk ini.

Dalam hal ini, KK Super Mart mengeluarkan surat tuntutan kepada pembekal melalui peguam, David Gurupatham & Koay pada 10 Januari lalu serta membuat laporan polis sehari berikutnya.

"Bagi membendung perkara ini, dua premis di Universiti Melaya (UM) juga ditutup untuk siasatan lanjut.

"KK Mart bersedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak berkuasa selepas serbuan dibuat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ke atas kilang terbabit," katanya dalam kenyataan.

KPDN membuat sebuah ber-



KPDN menyerbu kilang pembuat roti sandwic di Sunway Damansara, KL selepas didapati menyalah guna logo halal. - GAMBAR KPDN

sama Jakim ke atas kilang itu di Sunway Damansara selepas didapati menyalah guna logo halal.

Pemeriksaan mendapati kilang terbabit tidak memiliki kelulusan halal yang sah dan didapati tamat tempoh pada 15 Oktober 2023.

Malah, sijil halal itu diperakukan kepada sebuah syarikat lain yang menjual perniagaannya

kepada pemilik kilang tersebut.

Dalam pada itu, KK Mart mahu tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang mencemarkan keyakinan dan kesejahteraan pelanggan mereka.

"Pihak syarikat mengambil langkah untuk mengelak kejadian seperti ini daripada berulang pada masa hadapan," katanya.

Tulisan chicken ham bukan daripada KK Supermart

PETALING JAYA – KK Supermart & Superstore Sdn. Bhd. (KK Supermart) membuat laporan polis terhadap syarikat pengeluar produk 'sandwich ham & cheese', Shake And Bake Café Sdn. Bhd. (Shake And Bake Café).

KK Supermart dalam satu kenyataan berkata, pihaknya telah mengarahkan peguam menghantar Surat Tuntutan kepada syarikat itu.

"Sandwich itu dikilangkan dan diusahakan oleh syarikat Shake And Bake Café. Ia dipasarkan kepada pelanggan melalui beberapa platform perniagaan. Antaranya adalah di rangkaian KK Concept Store.

"Penjelasan dari pihak kami adalah, pihak Shake And Bake Café telah mengemukakan sijil halal bagi chicken ham dan kepingan keju tersebut. Tulisan itu adalah daripada mereka," kata kenyataan itu.

Menurut KK Supermart, pihaknya telah membekukan urusan perniagaan bersama Shake And Bake Café serta-merata dan hanya 16 cawangan mempunyai kemasukan produk itu.

Kata KK Supermart, ia termasuk menghentikan segala pemprosesan produk itu daripada kemasukan ke mana-mana outlet KK Concept Store dalam tempoh siasatan kes tersebut.



INILAH sandwich yang didakwa dijual di KK Supermart hingga menjadi tular di media sosial.

"Kami difahamkan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup telah menyerbu kilang itu," katanya.

KK Supermart berkata, syarikat itu memandang serius perkara tersebut dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian seperti itu daripada berulang.

Polis terima laporan

Kuala Lumpur: Polis mengesahkan menerima laporan berhubung penjualan produk 'ham and cheese sandwich' yang diragui status halal di sebuah kedai serbaneka di universiti awam di sini.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood berkata, kes itu sudah dirujuk ke Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk tindakan lanjut.

"Kita mengesahkan sudah menerima laporan polis berkaitan isu itu dan ia sudah dirujuk ke Jakim dan KPDN," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Harian Metro terdahulu melaporkan KPDN menyerbu sebuah kilang pembuat roti sandwic di Sunway Damansara, Petaling Jaya, Selangor kerana

disyaki menyalah guna logo halal Jumaat lalu.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN, Datuk Azman Adam dilaporkan berkata, serbuan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya dengan kerjasama Jakim yang bermula jam 1 tengah hari.

Menurutnya, serbuan itu hasil aduan yang diterima oleh pihak Jakim dan tular melalui aplikasi TikTok berkaitan penggunaan perakuan logo halal yang meragukan pada produk roti sandwic yang dijual di beberapa premis pasar raya terkemuka sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Jakim turut mengesahkan produk 'ham and cheese sandwich' tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dan syarikat yang menghasilkan produk terbabit bukan pemegang SPHM.

HARI: SELASA

TARIKH: 14/1/2025

M/SURAT: 6

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu kilang yang membuat sandwic di Sunway Damansara, Petaling Jaya, Selangor kerana disyaki menyalah guna logo halal Jumaah lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan dilakukan KPDN Putrajaya dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada jam 1 tengah hari.

KPDN serbu kilang buat sandwic

Menurutnya, serbuan hasil aduan yang diterima Jakim dan tular melalui aplikasi TikTok berkaitan penggunaan perakuan logo halal yang meragukan pada

produk sandwic yang dijual di beberapa premis pasar raya terkemuka sekitar negeri Selangor dan Kuala Lumpur.

"Hasil maklumat awal, premis adalah sebuah kilang yang membuat dan

membekalkan produk sandwic serta menggunakan penandaan logo halal Jakim yang disyaki tamat tempoh.

"Pemeriksaan lanjut mendapati, premis terabit tidak memiliki kelulusan halal daripada pihak Jakim dan logo halal yang dilekatkan pada produk san-

dwic ialah logo halal yang diperakuan kepada sebuah syarikat lain yang ti-

dak lagi beroperasi dan menjual perniagaannya kepada syarikat diserbu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Azman berkata, sijil per-

ngesahan halal juga disahkan

sudah tamat tempoh pada 15 Oktober 2023.

"Hasil serbuan, pihak KPDN menyita pelbagai jenis sandwic, sebuah komputer, mesin pencetak dan beberapa dokumen pernia-

gaan yang berkaitan.

"Kertas siasatan dibuka dan kes disiasat kerana melanggar Perenggan 4(1) Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] dan menjadi kesalahan mengikut Perenggan 8 (a), Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," katanya.

Beliau berkata, KPDN ingin memberikan amaran kepada semua pihak yang

berkaitan supaya sentiasa mematuhi perundangan yang sedang berkuat kuasa serta memastikan kesemua produk dan perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi standard halal yang ditetapkan bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan di bawah perundangan berkaitan.

"Kesalahan seumpama ini amat serius serta boleh menimbulkan kegusaran dalam kalangan pengguna terutama yang beragama Islam," katanya.

Jual tanpa sijil halal

Semakan Jakim mendapati produk 'Ham and cheese sandwich' dijual di sebuah kedai serbaneka di UM tanpa SPHM: Menteri

Oleh Muhaamad Hafis
Nawawi
mhafis@mediaprime.com

Kuala Lumpur

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengesahkan produk 'ham and cheese sandwich' yang dijual di sebuah kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) di sini tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar berkata, syarikat yang menghasilkan produk terbabit juga bukan pemegang SPHM.

Katanya, Bahagian Pe-



DR Mohd Na'im

ngurusan Halal Jakim menerima banyak pertanyaan di media sosial berkenaan produk berkenaan yang diragui status halal.

Menurutnya, Jakim sudah melaksanakan peme-

riksaan di lapangan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pada Jumaat lalu.

"Hasil pemeriksaan mendapati bahawa produk berkenaan tidak mempunyai SPHM dan syarikat yang menghasilkan produk terbabit bukan pemegang SPHM.

"Oleh itu, tindakan pihak syarikat mencetak logo halal Malaysia pada label produk berkenaan adalah suatu kesalahan mengikut Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730] iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 dan tindakan undang-undang sudah diam-

bil oleh KPDN," katanya kepada Harian Metro semalam.

Beliau berkata, pengguna dinasihatkan supaya sentiasa menyemak status halal sesuatu produk melalui Portal Halal Malaysia atau aplikasi Verify Halal.

Terdahulu media melaporkan UM menutup serta merta dua premis jualan runcit 24-jam dalam kampusnya susulan dakwaan penemuan produk pek sandwich diragui status halal.

Dalam kenyataan media, UM menyatakan arahan penutupan itu dikeluarkan bagi memberi ruang agar siasatan dilaksanakan tanpa sebarang gangguan.

Tiga pengusaha makanan didakwa simpan barang kawalan subsidi

Melaka: Tiga pengusaha makanan berdepan tindakan undang-undang kerana menyimpan barang kawalan bersubsidi tanpa kebenaran dalam serbuan berasingan di Bukit Katil dan Bukit Baru di sini, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Melaka Norena Jaafar berkata, 62 kilogram (kg) gula pasir kasar, gula

pasir halus (24 kg), tepung gandum (50 kg) dan minyak masak peket (158 kg) bernilai RM1,059.70 dirampas dalam serbuan menerusi Op Kita Gempur.

“Hasil risikan selama dua minggu, kami mengesan tiga premis terbabit masing-masing restoran Arab, restoran 24 jam dan kedai menjual makanan bergoreng disyaki menyimpan barang kawalan

bersubsidi tanpa permit di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961,” katanya.

Norena berkata, siasatan awal mendapati barang kawalan itu diperoleh pengusaha berkenaan melalui orang tengah pada harga lebih tinggi berbanding harga pasaran di samping membelinya di premis runcit berdekatan bagi digunakan di premis perniagaan masing-masing.

KK Super Mart gantung urus niaga pembekal sandwic

SHAH ALAM - KK Super Mart & Superstore Sdn Bhd (KK Super Mart) telah menggantung serta-merta segala urus niaga dengan syarikat pengeluar sandwic 'ham dan keju' susulan dakwaan penemuan produk diragui status halal di dua premis kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) baru-baru ini.

KK Super Mart dalam satu kenyataan memaklumkan segala pemprosesan produk terbabit daripada kemasukan ke mana-mana premis lain berikutnya siasatan yang sedang dilanjutkan pihak berkuasa.

Jelasnya, hanya 16 KK Concept

Store yang mempunyai kemasukan produk itu dan pihaknya telah membekukan urusan perniagaan bersama syarikat terbabit.

"Kami difahamkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) telah melakukan serbuan ke atas kilang terbabit di Sunway Damansara, Petaling Jaya.

"Demi menjaga kepercayaan dan keselamatan pelanggan, kerjasama penuh akan diberikan dalam memastikan tindakan tegas diambil terhadap mana-mana pihak yang mencemarkan keyakin-

an serta kesejahteraan pelanggan kami," katanya pada Isnin.

Justeru, KK Super Mart juga telah membuat laporan polis terhadap syarikat pengeluar produk sandwich 'ham dan keju' terbabit.

Kenyataan itu turut memaklumkan pihaknya telah mengarahkan peguam untuk menghantar Surat Tuntutan (LOD) bertarikh 10 Januari 2025 kepada syarikat terbabit.

"Untuk makluman semua pihak, produk sandwic ini dikilangkan dan diusahakan oleh syarikat terbabit dipasarkan kepada pelanggan melalui beberapa

platform perniagaan, antaranya adalah di rangkaian KK Concept Store.

"Penjelasan daripada kami adalah pihak syarikat terbabit telah mengemukakan sijil halal bagi 'chicken ham' (kepingan ayam) dan kepingan keju tersebut. Tulisan yang dipamerkan pada bungkus-an roti sandwic tersebut serta penulisan perkataan ini adalah daripada pihak syarikat terbabit," katanya.

Dalam pada itu, KK Super Mart berkata, syarikat itu memandang serius perkara tersebut dan mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian seperti itu daripada berulang.

Syarikat yang menghasilkan produk itu juga bukan pemegang sijil halal

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

J abatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menge sahkan sandwic 'ham dan keju' yang dijual di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Jakim berkata, pihaknya selesai melaksanakan pemeriksaan di lapangan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) pada Jumaat lalu dan semakan mendapati syarikat yang menghasilkan produk terbabit juga bukan pemegang sijil halal.

"Oleh itu, tindakan pihak syarikat mencetak logo halal Malaysia pada label produk ber-



kenaan merupakan satu kesalahan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) iaitu Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Tindakan undang-undang juga telah diambil KPDN. Pengguna dinasihatkan supaya sentiasa menyemak status halal produk melalui Portal Halal Malaysia atau aplikasi Verify Halal.

"Pastikan produk tersebut dipersijilkhan halal oleh pihak berkuasa," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Isnin.

Sebelum ini, Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhammad Akmal Saleh menggesa pihak polis atau agensi berkaitan untuk menyiasat dan mengambil tindakan segera berhubung pe-

nemuhan pek sandwic yang diragui status halal serta dijual di sebuah kedai serbaneka di UM.

Beliau mendakwa, bagaimana kedai serbaneka itu memperoleh logo halal dan dipaparkan pula pada bungkus sandwic, kemudian dijual kepada pelajar.

Sabtu lalu, UM menutup dua premis jualan runcit 24 jam serta merta.

UM dalam satu kenyataan memaklumkan arahan penutupan tersebut dikeluarkan bagi memberi ruang agar siasatan yang dilaksanakan untuk mengesahkan dakwaan tersebut tidak terganggu.

Dalam pada itu, polis telah menerima laporan berhubung penjualan sandwic 'ham dan keju' yang diragui status halal di sebuah kedai serbaneka di sebuah



Sandwic dijual di UM sah tiada sijil halal.

pusat pengajian tinggi awam.

Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisioner Ku Mashariman Ku Mahmood berkata, kes telah dirujuk kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Kos Sarawak Hidup untuk tindakan lanjut.

"Kita telah terima laporan berkaitan isu berkenaan, kes telah dirujuk kepada agensi dan Kementerian berkaitan untuk tindakan lanjut," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Sandwic dijual di UM sah tiada sijil halal - Jakim

Jakim, KPDN bekerjasama ambil tindakan

PUTRAJAYA - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) telah diarah untuk bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk mengambil tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan terhadap pihak yang menyalahgunakan logo halal.

Tegas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, pihaknya tidak akan berkompromi dengan apa-apa isu yang melibatkan integriti dan kepentingan awam.

"Kami dukacita dengan kejadian



MOHD NA'IM

yang berlaku di premis jualan runcit 24 jam yang terletak di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

"Tindakan segelintir pihak yang menyalahgunakan label logo halal pada produk adalah satu kesalahan yang serius," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, semua pihak juga diingatkan agar tidak menyalahgunakan label logo halal pada mana-mana produk yang dikeluarkan.

"Sentiasa merujuk kepada Jakim dan pihak berkuasa agama Islam negeri-negeri dalam isu-isu berkaitan halal," jelas Na'im.

Kilang sandwic salah guna sijil halal

KPDN sita pelbagai jenis roti sandwic, sebuah komputer, mesin pencetak dan dokumen perniagaan

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Sebuah kilang pembuat roti sandwic di Sunway Damansara, Petaling Jaya, Selangor diserbu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Jumaat lalu kerana disyaki menyalah guna logo halal. Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, serbuan yang dilakukan bersama sepasukan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) itu bermula jam 1 petang hasil aduan yang telah diterima dan tular melalui aplikasi TikTok.

"Hasil maklumat awal, premis merupakan sebuah kilang yang membuat dan membekalkan produk roti sandwic serta



menggunakan penandaan logo halal Jakim yang disyaki tamat tempoh," katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Ujar beliau, pemeriksaan lanjut mendapati, premis terbabit tidak memiliki ke-lulusan halal daripada pihak Jakim dan logo halal yang dilekatkan pada produk roti sandwic tersebut ialah logo halal diperakukan kepada sebuah syarikat lain yang tidak lagi beroperasi dan telah menjual perniagaannya kepada syarikat diserbu.

(Perakuan dan Penandaan Halal) 2011," ujarnya.

Dalam pada itu, Azman turut memberi amaran kepada semua pihak agar sentiasa mematuhi perundungan serta memastikan kesemua produk dan perkhidmatan yang dihasilkan memenuhi standard halal ditetapkan.

Tegas beliau, kesalahan seumpamanya amat serius serta boleh menimbulkan kesan buruk dalam kalangan pengguna terutama yang beragama Islam.

"Selain daripada tindakan di bawah pensijilan halal, KPDN juga akan menghantar sampel sandwic tersebut ke Jabatan Kimia untuk mendapatkan pengesahan tentang kandungan sebenar yang digunakan dalam penghasilan sandwic tersebut," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai penutupan premis jualan runcit 24 jam di Universiti Malaya susulan dakwaan pemenuhan produk pek sandwic dirugikan status halal, Azman menjelaskan tindakan itu telah diambil sendiri oleh pihak berkenaan dan tidak melibatkan arahan KPDN.

"Pengguna juga disarankan untuk tidak mudah terpedaya serta lebih berhati-hati dalam memilih produk yang mempunyai sijil halal yang sah," katanya.



KONTROVERSI 'SANDWIC HAM' GUNA LOGO HALAL

“ Sandwic ham dan keju yang dijual di kedai serbaneka di Universiti Malaya disahkan tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia.” - Jakim

“ Pihak kami telah menyerbu sebuah kilang membuat roti sandwic di Sunway Damansara, Petaling Jaya yang tular kerana disyaki tidak memiliki dan menggunakan sijil perakuan halal syarikat lain.” - KPDN

“ Kami telah menggantung serta-merta urus niaga dengan syarikat pengeluar sandwic berkenaan. Kerjasama penuh akan diberikan.”
- KK Super Mart

MUKA 8 & 9

In hot water over sandwiches

Authorities taking action against company for misuse of halal logo

PETALING JAYA: The relevant authorities have initiated action against a company that allegedly misused the halal logo on sandwiches that it made and supplied to a convenience store at Universiti Malaya (UM).

The store's two outlets at the campus in Kuala Lumpur have since been shut down until further notice, following the controversy.

In a statement yesterday, the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) said legal action is being taken against the company.

Jakim also revealed that it had inspected the stores together with Domestic Trade and Cost of Living Ministry officers last week after complaints were raised on social media.

"Investigations found that the product did not have a verified halal certificate and the company that produced it is not a Malaysia halal certificate (SPHM) holder," Jakim said.

The convenience store which carried the sandwiches later released a statement to explain its position on the issue, confirming that the two stores were inspected by Jakim and the ministry and

closed by the university.

Jakim said improperly using a SPMH halal logo on a product is an offence under the Trade Descriptions Act 2011 and Trade Description (Halal Certification and Marking) Order 2011.

The department advised consumers to check the halal status of any product sold locally through the Malaysian Halal Portal or the Verify Halal app.

The sandwich controversy was sparked last week after consumers uploaded photos of the sandwich that was labelled "ham and cheese" with a halal logo.

On Friday, the university closed the two 24-hour convenience outlets on its campus that had been selling the sandwich packs.

"It was found that the packs labelled 'ham and cheese sandwich' and the usage of halal logo on the product in the stores were doubtful.

"As such, the stores will be closed until further notice," *Sinar Harian* quoted the university as saying in a statement.

The university said it was committed to ensuring that products sold on campus were from suppliers who complied with laws, standards and procedural rules.

In PUTRAJAYA, the ministry said it has opened an investigation paper into a sandwich bread factory in Sunway Damansara, Petaling Jaya, for suspected misuse of the halal logo, Bernama reported.

Its enforcement director-general Datuk Azman Adam said the investigation paper was opened following a raid on the factory by a Putrajaya enforcement team with Jakim on Friday.

"The premises are a factory that produces and supplies sandwich bread products using Jakim halal logos that are suspected to have expired.

"Further checks revealed that the premises did not have halal certification from Jakim and the halal logo placed on the sandwich bread products was given to another company that is no longer operating and had sold its business to the company that was raided.

"The halal certificate was confirmed to have expired on Oct 15, 2023," he said, adding that the team confiscated an assortment of sandwich loaves, a computer, a printer and related business documents.

In a statement yesterday,

Azman also said the factory is being investigated for suspected violations of Paragraph 4(1) of the Trade Descriptions Act 2011, which is an offence under Paragraph 8(a) of the Trade Description (Halal Certification and Marking) Order 2011.

He added that the ministry will send samples of the sandwich bread to the Chemistry Department to confirm its actual contents.

Meanwhile, Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar has instructed Jakim to collaborate with the ministry to enforce action and prosecute those misusing the halal logo.

He said the misuse of the halal label on products is a serious offence, and expressed regret over the incident at the outlets at UM.

"The Prime Minister's Department (Religious Affairs) will not compromise on issues involving public integrity and interest.

"All parties are urged to consult Jakim and state Islamic religious authorities on halal-related matters," he added in a statement yesterday.

KK Super Mart taking legal action against supplier

PETALING JAYA: KK Super Mart has taken action against one of its food suppliers after a sandwich the latter produced was found to have allegedly misused a Malaysian halal certificate.

"KK Super Mart has taken action by filing a police report on Jan 11, 2025, regarding this matter," the firm said in a statement yesterday.

It has also stopped all business dealings with the sandwich supplier, Shake And Bake Cafe Sdn Bhd, the company added.

"Additionally, KK Super Mart has instructed its legal team David

Gurupatham & Koay (Advocates & Solicitors) to issue a letter of demand dated Jan 10, 2025, to Shake And Bake Cafe concerning this issue," it added.

A sandwich pack labelled "ham and cheese sandwich" with the Malaysian halal logo on it sold at two outlets of KK Concept Store in Universiti Malaya in Kuala Lumpur had caused an uproar last week.

The two outlets were closed on Jan 10 following inspections by the Malaysian Islamic Development Department (Jakim) and the Domestic Trade and Cost of

Living Ministry.

Jakim said the sandwich does not have an official halal certificate and that the company that produced it is not a Malaysia halal certificate (SPHM) holder.

In its statement, KK Super Mart said Shake And Bake Cafe had provided a halal certificate for the chicken ham and cheese layers for reference.

Shake And Bake Cafe was also not authorised to use the KK Super Mart logo on the packaging of the sandwich, KK Super Mart said.

Only 16 KK Concept Stores had

carried the sandwiches and KK Super Mart is making sure that the item does not enter any of its other outlets, the company added.

"From a law enforcement perspective, we understand that Jakim and the ministry conducted a raid on the Shake And Bake Cafe factory on Jan 10, 2025.

"We are prepared to provide full cooperation. KK Super Mart takes the matter seriously and once again emphasises its commitment to cooperating with the authorities in assisting investigations," the statement added.

Probe on bread factory over halal logo

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has opened an investigation paper into a sandwich bread factory in Sunway Damansara, Petaling Jaya, Selangor for suspected misuse of the halal logo.

Its enforcement director-general, Datuk Azman Adam said in a statement today that the factory was being investigated for suspected violations of Paragraph 4(1) of the Trade Description Act 2011 [Act 730], which is an offense under Paragraph 8(a) of the Trade Description Order (Halal Certification and Marking) 2011.

The investigation paper was opened following a raid on the factory by a Putrajaya KPDN enforcement team with the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) on Thursday after JAKIM received a complaint about the use of the halal logo on the factory's bread products.

"The premises is a factory that produces and supplies sandwich bread products using JAKIM halal logos that are suspected to have expired.

"Further checks revealed that the premises did not have halal certification from JAKIM and the halal logo placed on the sandwich bread products was given to another company that is no longer operating and sold their business to the company that was raided.

"The halal certificate was confirmed to have expired on Oct 15, 2023," he said, adding that the team confiscated an assortment of sandwich bread, a computer, a printer and related business documents.

Azman said KPDN would also send samples of the sandwich bread to the Chemistry Department to confirm its actual contents. - Bernama

HARI: SELASA
TARIKH: 14/1/2025
M/SURAT: 3

National

KK Mart: Supplier to blame for halal logo on ham-and-cheese sandwich

KUALA LUMPUR: KK Mart yesterday said its logo was misused by a supplier of a ham-and-cheese sandwich sold by the chain, which religious authorities have found to be using the halal logo without authorisation.

KK Mart said it had depended on the supplier for the halal certification of the product, and said it had lodged a police report against the company and will

pursue legal action.

Separately, the Department of Islamic Development (Jakim) said its Halal Management Division conducted an inspection of the product with the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) following complaints online.

The inspection revealed that the product does not have a Malaysian Halal Certification

and the producing company is not a SPHM certificate holder," Jakim said.

"Therefore, the company's action of printing the Malaysian halal logo on the product label constitutes a violation under the Trade Descriptions Act 2011 [Act 730], specifically the Trade Descriptions (Certification and Marking of Halal) Order 2011, for which legal action has been

taken by KPDN."

Earlier yesterday, Umno Youth chief Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh accused KK Mart of misleading consumers with the sandwich, questioning how the item was certified halal.

He had also asked Jakim to clarify if the food item was halal as claimed.
—Malay Mail

KPDN probes Selangor bread factory suspected of misusing halal logo

PUTRAJAYA: The Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) has opened an investigation paper into a sandwich bread factory in Sunway Damansara, Petaling Jaya, Selangor for suspected misuse of the halal logo.

Enforcement director-general Datuk Azman Adam said in a statement yesterday that the factory was being investigated for suspected violations of Paragraph 4(1) of the Trade Description Act 2011, which is an offence under Paragraph 8(a) of the Trade Description Order (Halal Certification and Marking) 2011.

The investigation paper was opened following a raid on the factory by a Putrajaya KPDN enforcement team with the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim) last Thursday, after Jakim received a complaint about the use of the halal logo on the factory's bread products.

"The premises is a factory that produces and supplies sandwich bread products using Jakim halal logos that are suspected to have

expired.

